



Aaron (kanan) dan Diyana (kiri) mempamerkan produk Dutch Lady pada majlis pelancaran kempen Milk Mornings.

Bersarapan dengan Milk Mornings

SUSU Dutch Lady PureFarm kini memberikan lebih banyak sebab untuk bersarapan dengan susu. Jenama No. 1 bagi Susu Sedia Diminum di Malaysia kini menangani pengambilan kalsium yang rendah dalam kalangan dewasa dan kanak-kanak Malaysia dengan kempen terbaharunya, Milk Mornings.

Kempen Milk Mornings menggalakkan keluarga Malaysia minum susu pada waktu pagi atau menggabungkannya secara kreatif dalam sarapan untuk membantu mereka memenuhi keperluan

kalsium sehariannya.

Bercakap ketika majlis pelancaran kempen Milk Mornings, Pengurus Pemasaran di Dutch Lady Malaysia, Jo-Anne Jayasiri berkata, sarapan pagi merupakan hidangan paling penting kerana ia membekalkan tenaga untuk aktiviti pada hari tersebut dan meningkatkan pengambilan nutrisi seharian kita.

“Susu membekalkan nutrien penting di mana tidak boleh dihasilkan oleh tubuh badan kita dan ini merupakan minuman dan bahan yang paling

ideal untuk sarapan yang membantu keluarga Malaysia memenuhi keperluan kalsium seharian mereka,” katanya.

Turut hadir menyokong minum susu ketika bersarapan ialah Prof Dr Poh Bee Koon dari Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia serta pelakon Aaron Aziz dan isteri, Diyana Halik.

Bermula April, anda boleh mendapatkan idea-idea sarapan yang sihat di mana penuh dengan kalsium dengan melayari www.facebook.com/spread.the.goodness.of.milk atau www.dutchlady.com.my.